

**BAHAGIAN A**

[ 50 markah ]

*Jawab mana-mana lima soalan sahaja.*

1. (a) Gambar 1 berkenaan logo sebuah organisasi perniagaan.

**Gambar 1**

Jelaskan tujuan penubuhan organisasi di atas. [6 markah]

- (b) Jelaskan kelebihan perniagaan francais kepada francaisor? [4 markah]

2. (a) Nyatakan empat matlamat undang-undang dalam perlindungan pengguna supaya tidak ditindas oleh peniaga. [4 markah]

- (b) Gambar 2 merupakan gambaran trend persekitaran sebuah perniagaan.

**Gambar 2**

- (i) Apakah trend persekitaran tersebut? [1 markah]

- (ii) Nyatakan faktor dalaman yang menyebabkan berlakunya situasi di 2(b)(i).

[5 markah]


- 3 (a) Maklumat di bawah ini berkaitan dengan Cik Shahirah.

Syarikat Minuman Sedap Shahirah bermatlamat untuk mencapai keuntungan sebanyak RM50 000 sebulan. Namun atas ketidakcekapan pengurusan, Syarikat Minuman Sedap Shahirah hanya dapat mencapai keuntungan sebanyak RM30 000 sebulan.

Nyatakan kesan kegagalan perniagaan mencapai matlamat dan objektif. [4 markah]

- (b) Senaraikan tujuan bagi bahagian fungsian jualan. [3 markah]

- (c) Rajah 1 menunjukkan langkah-langkah pembangunan produk baharu.



**Rajah 1**

Jelaskan X. [3 markah]

4. (a) Terangkan kemahiran keboleherjaan yang diperlukan sekiranya calon memohon menjadi tukang masak di sebuah restoran. [6 markah]

- (b) Pernyataan berikut berkenaan sumber perniagaan.

Kemahiran dan pengalaman merupakan salah satu jenis sumber teknologi dalam perniagaan. Sumber perniagaan ini perlu diberi perhatian oleh pihak pengurusan syarikat.

Mengapakah sesebuah perniagaan perlu mengurus sumber teknologi ini dengan baik?

[4 markah]

5. (a) Maklumat berikut berkaitan dengan Encik Nasrullah.

Encik Nasrullah membuka Mini Market Nasrul di Taman Desa Tenggara dengan modal daripada simpanannya berjumlah RM15 000. Dia dibantu oleh isteri dan dua orang pekerja yang dibayar gaji bulanan RM800 seorang. Setelah 5 tahun, beliau menjadikan keuntungan yang diperoleh sebagai modal pusingan.

Terangkan sumber pembiayaan yang digunakan oleh Encik Nasrullah. [4 markah]

- (b) Maklumat berikut adalah berkaitan dengan penyata pendapatan yang disediakan oleh Perniagaan Elektrik Ashraf Enterprise

**Perniagaan Elektrik Ashraf Enterprise**

**Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019**

	<u>RM</u>	<u>RM</u>
<b>A</b>		89 300
Tolak : Kos Jualan		
Stok Awal	32 000	
Tambah : <b>B</b>	57 000	
	89 000	
Tambah : Angkutan masuk	7 500	
Kos barang untuk dijual	96 500	
Tolak : Stok Akhir	38 000	58 500
<b>C</b>		30 800


Apakah butiran **A**, **B** dan **C**? [3 markah]

- (c) Mengapakah kunci kira-kira penting kepada usahawan? [3 markah]

- 6 (a) Rakan anda ingin memulakan perniagaan menghasilkan pelbagai jenis sambal untuk pasaran tempatan.

Terangkan ciri-ciri lokasi yang sesuai kepada perniagaan rakan anda. [6 markah]

- (b) Gambar 3 menunjukkan satu daripada tanggungjawab Encik Hakim.



**Gambar 3**

Nyatakan tanggungjawab yang perlu dipatuhi oleh Encik Hakim setelah memperoleh Sijil Pendaftaran Perniagaan. [4 markah]

**BAHAGIAN B**

[ 30 markah ]

*Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.*

- 7(a) Maklumat berikut menunjukkan perbualan antara Muizz dan Danish yang bercadang menubuhkan sejenis bentuk milikan perniagaan.

Danish	:	Saya mempunyai kemahiran dan pengetahuan dalam teknologi maklumat dan komunikasi. Saya ingin membuka sebuah kedai telekomunikasi tetapi modal saya tidak mencukupi.
Muizz	:	Saya mempunyai modal sebanyak RM200 000.00 dan saya berminat untuk menceburi perniagaan ini.
Danish	:	Kalau begitu, apa kata kita bekerjasama tubuhkan perniagaan ini.
Muizz	:	Idea yang baik tetapi sebelum kita tubuhkan perniagaan ini, kita perlu daftarkan perniagaan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
Danish	:	Ya betul. Nanti kita sama-sama uruskan pendaftaran ini ya.

- (i) Apakah jenis pemilikan perniagaan yang sesuai ditubuhkan oleh Danish dan Muizz?

[4 markah]

- (ii) Jelaskan prosedur yang perlu dilakukan oleh Danish dan Muizz untuk menubuhkan perniagaan mereka?

[6 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan Perniagaan Encik Leey.

Encik Leey baru memperkenalkan 10 jenis pizza yang telah mendapat sambutan yang hangat di pasaran. Hal ini menyebabkan berlaku peningkatan permintaan pizza secara mendadak. Oleh yang demikian, Encik Leey telah membuat keputusan untuk menambah bilangan pekerja bahagian operasi. Beliau bercadang untuk mengambil sumber manusia luaran.

- Setujukah anda dengan cadangan Encik Leey. Berikan alasan anda?

[5 markah]

8 (a) Maklumat berikut diperolehi daripada laporan Syarikat Rich Sdn Bhd

Butiran	2018 (RM juta)	2019 (RM juta)
Kos Jualan	2.5	3.5
Jualan Bersih	5.6	4.8
Jumlah Aset	8.6	8.9

Pada tahun manakah Syarikat Rich Sdn Bhd cekap menggunakan aset. Berikan alasan anda? [6 markah]

(b) Gambar di bawah berkaitan aset yang hendak dibeli oleh sebuah perniagaan.



(i) Apakah jenis pembiayaan yang sesuai untuk membeli aset di atas? [3 markah]

(ii) Jelaskan kelebihan dan kelemahan sumber pembiayaan di 8(b)(i) ? [6 markah]

- 9 Maklumat berikut berkaitan perniagaan Pn Hafizah, seorang usahawan muda yang berjaya.

Pn Hafizah telah menceburi bidang pengeluaran makanan sejuk beku yang berasaskan produk karipap. Bagi memastikan perniagaannya dapat diurus dengan sistematik, Pn Hafizah sentiasa menyertai latihan dan kursus yang dianjurkan oleh pelbagai agensi. Keunikan produk karipap yang menggunakan jenama “Epok2 AleAle” telah mendapat permintaan yang tinggi daripada seluruh penduduk di negeri Johor. Walau bagaimanapun, Pn Hafizah sentiasa menggunakan pelbagai jenis promosi bagi memastikan jumlah jualan meningkat dan produknya sentiasa di hati pengguna.

- (a) Terangkan kekuatan diri yang ada pada Pn Hafizah ? [6 markah]
- (b) Mengapakah Pn Hafizah menganggap latihan sangat penting kepada diri dan perniagaannya? [3 markah]
- (c) Huraikan jenis promosi yang digunakan oleh Pn Hafizah untuk mencapai matlamat perniagaannya ? [6 markah]

**Bahagian C**  
[20 markah]  
Soalan ini **wajib** dijawab.

10. Ezzu Food Industrial Sdn Bhd merupakan sebuah syarikat pengeluar sekaya pelbagai perisa yang beroperasi di Ipoh, Perak yang diasaskan oleh Encik Izzuddin. Syarikat ini telah beroperasi selama 15 tahun dan penyata pendapatan bagi tahun berakhir 2019 menunjukkan peningkatan untung bersih kerana kejayaan dalam pengurusan strategi pemasaran.

Pada tahun 2015, hampir keseluruhan kilangnya telah musnah akibat kebakaran. Encik Izzuddin berusaha membangunkan semula kilangnya dengan bantuan keluarganya. Malah beliau juga telah mengeluarkan sekaya perisa baru iaitu perisa strawberi semasa pelancaran kilang barunya. Pengguna difahamkan sudah terbiasa dengan jem strawberi dan apabila beliau mengeluarkan sekaya perisa strawberi sambutan sangat menggalakkan apabila pengguna berminat untuk mencuba produknya.

Bagi meningkatkan hasil jualan, Ezzu Food Industrial Sdn Bhd telah meluaskan lagi pasaran ke peringkat global serta telah merancang untuk membuka beberapa pejabat urusan di luar negara seperti Indonesia, Singapura, Thailand dan Arab Saudi bagi tujuan agihan dan pemantauan pasaran seterusnya mencapai visi syarikat iaitu, “Menjadi Pengeluar Sekaya hingga ke peringkat Antarabangsa.” Oleh itu, beliau juga berani untuk menjual sekaya melalui atas talian. Beliau telah mengasaskan laman web e-dagang iaitu “Ezzu Sekaya” yang dikenali dalam dan luar negara. Keadaan ini bertepatan dengan gaya hidup rakyat Malaysia yang menginginkan suatu perkhidmatan beli-belah yang boleh memudahkan mereka.

Dengan sasaran matlamat yang telah dirancang, Ezzu Food Industrial Sdn. Bhd perlu meluaskan ruang kerja serta membeli mesin pengadun sekaya bagi menampung kapasiti pengeluaran yang semakin bertambah. Modal tambahan yang diperlukan adalah sebanyak RM 300 000 dan Ahli Lembaga Pengarah bersetuju untuk menggunakan rizab keuntungan perniagaan bagi membiayai segala kos yang diperlukan.



Pengurus kilang juga telah menyediakan jadual penyelenggaraan mesin yang lengkap. Semua mesin dan peralatan diselenggarakan secara rutin sebelum proses pengeluaran dijalankan. Syarikat juga mengambil insurans kebakaran untuk melindungi kilang dan mesin serta stok terhadap risiko kebakaran dan penghantaran tertangguh. Syarikat mengikut dengan tegas segala peruntukan dalam Akta Kilang dan Jentera 1987 dari segi keselamatan, kesihatan dan



kebajikan pekerjaanya. Selain itu, bangunan kilang Ezzu Food Industrial Sdn Bhd juga dilengkapi dengan alat pemadam api, kamera litar tertutup dan mempunyai laluan kecemasan.

Berikut merupakan alat-alat komunikasi yang digunakan oleh Ezzu Food Industrial Sdn Bhd bagi melancarkan urusan perniagaan.



Selain daripada itu, perniagaan juga menggunakan perisian perakaunan berbayar bagi merekodkan segala urusan kewangan perniagaan termasuklah pembayaran gaji, pembayaran bahan bekalan dan penerimaan hasil jualan.

Berdasarkan kes tersebut, jawab soalan-soalan berikut :

(a) Adakah En Izzuddin seorang usahawan.

Berikan alasan.

[4 markah]

(b) Terangkan prosedur mengurus sumber fizikal perniagaan yang perlu dijalankan oleh

Ezzu Industrial Food Sdn Bhd

[4 markah]

(c) Nyatakan dan lakarkan struktur organisasi yang paling sesuai bagi Ezzu Industrial Sdn

Bhd.

[5 markah]

(d) Bagaimanakah pertumbuhan ekonomi negara mempengaruhi perniagaan En. Izzuddin.

Berikan pandangan anda.

[2 markah]

(e) Jelaskan kepentingan teknologi maklumat dalam bahagian fungsian kewangan.

[5 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

